



# **KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

## **CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN**

### **PANDUAN EKSPORT**

## KANDUNGAN

<b>PENDAHULUAN.....</b>	<b>1</b>
Gambaran Keseluruhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) .....	1
<b>PENGEKSPORTAN BARANG DAN PERKHIDMATAN .....</b>	<b>1</b>
<b>TERMINOLOGI.....</b>	<b>3</b>
<b>TEMPAT DAN WAKTU PENGEKSPORTAN.....</b>	<b>3</b>
<b>LAIBILITI CBP KE ATAS BARANG YANG DIEKSPORT.....</b>	<b>4</b>
<b>PENJENISAN DAN PENILAIAN BARANG YANG DIEKSPORT .....</b>	<b>4</b>
<b>EKSORT SEMENTARA.....</b>	<b>4</b>
<b>SOALAN LAZIM .....</b>	<b>5</b>
<b>MAKLUM BALAS DAN KOMEN.....</b>	<b>8</b>
<b>MAKLUMAT LANJUT.....</b>	<b>8</b>

## **PENDAHULUAN**

1. Panduan tentang eksport ini disediakan bertujuan untuk membantu semua pengeksport dalam memahami Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) dan implikasinya terhadap pengeksportan barang.

### **Gambaran Keseluruhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)**

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) merupakan cukai kepenggunaan berperingkat ke atas penggunaan domestik. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan di Malaysia kecuali yang diberikan pengecualian. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke Malaysia.

3. Pembayaran cukai dilakukan secara berperingkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengedaran. CBP pada akhirnya dibayar oleh pengguna akhir walaupun cukai dibayar di seluruh rangkaian pengeluaran dan pengedaran. Oleh kerana itu, cukai itu sendiri bukanlah suatu kos untuk perantara dan ianya tidak dinyatakan sebagai perbelanjaan dalam laporan kewangan mereka.

4. Di Malaysia, orang yang berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 20XX dikenali sebagai "orang berdaftar". Orang yang berdaftar dikehendaki untuk mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan yang dibuat kepada pelanggannya. Dia dibenarkan untuk menuntut kembali apa-apa CBP (cukai input) yang ditanggung ke atas pembeliannya yang menjadi input kepada perniagaannya. Dengan demikian, cukai itu tidak merupakan kos kepada perantara dan tidak dikira sebagai satu item perbelanjaan dalam penyata kewangannya.

## **PENGEKSPORTAN BARANG DAN PERKHIDMATAN**

5. Semua barang yang dieksport dari Malaysia adalah berkadar sifar iaitu CBP yang dikenakan adalah 0%. Ini bermakna pengeksport tidak mengenakan CBP ke atas barang eksportnya tetapi dibenarkan untuk menuntut kredit cukai input atas CBP ditanggung di atas perolehannya jika pengeksport adalah orang kena cukai. Pengeksport boleh menuntut semula CBP yang ditanggung di atas perolehannya

dengan mengkreditkan amaun yang dibenarkan terhadap cukai output yang dikenakan ke atas pembekalan bercukainya.

6. Pengeksport boleh mengenakan kadar sifar ke atas pembekalan barangnya pada masa barang dieksport. Barang dianggap telah dieksport apabila:-

- (a) barang telah dilepaskan untuk eksport oleh pegawai kastam yang hak di pejabat kastam terakhir di dalam perjalanan barang itu keluar dari Malaysia;
- (b) barang itu telah dimuatkan ke atas vesel atau pesawat udara yang akan berlepas dari pelabuhan atau tempat di Malaysia; atau
- (c) barang telah dilepaskan untuk eksport oleh pegawai kastam yang berhak di depot pelepasan dalaman atau stesen di dalam perjalanan barang itu keluar dari Malaysia melalui pelabuhan atau lapangan terbang kastam.

7. Pengeksport perlu mempunyai dokumen yang sah untuk membuktikan bahawa barang itu telah dieksport. (sila rujuk kepada Soalan-soalan Lazim).

8. Umumnya semua perkhidmatan eksport adalah berkadar sifar tertakluk kepada syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 20XX dipatuhi. Secara amnya, perkhidmatan ini juga dirujuk sebagai perkhidmatan antarabangsa. Contoh perkhidmatan itu adalah seperti perkhidmatan yang diberikan:-

- (a) di bawah kontrak dengan seseorang yang berada di suatu negara selain di Malaysia; dan
- (b) memberi faedah secara langsung kepada seseorang yang berada di suatu negara selain di Malaysia dan yang berada di luar Malaysia pada masa perkhidmatan itu dilaksanakan.

Untuk maklumat lanjut sila rujuk *Panduan Umum CBP*.

## TERMINOLOGI

9. Adalah penting untuk memahami maksud beberapa terma yang digunakan dalam panduan ini. Terma berikut adalah ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Kastam 1967:

- (a) **"Eksport"** adalah dengan variasi gramatisnya dan dengan ungkapan seasal dengannya bererti membawa atau menyebabkan dibawa keluar dari Malaysia melalui darat, laut atau udara atau meletakkan apa-apa barang dalam sesuatu vesel, kenderaan atau pesawat udara bagi maksud supaya barang itu dibawa keluar dari Malaysia melalui darat, laut atau udara.
- (b) **"Pengeksort"** termasuklah mana-mana orang yang olehnya apa-apa barang (termasuklah barang yang dipindah dari pesawat udara atau kapal pengimport) dieksport dari Malaysia atau dibekalkan untuk diguna sebagai storan pesawat udara atau kapal, dan juga pemunya itu, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya, dan mana-mana orang yang bagi maksud kastam, menandatangani apa-apa dokumen berhubungan dengan barang yang dieksport atau dimaksudkan untuk dieksport atau dibekalkan atau dimaksudkan untuk dibekalkan sebagai storan pesawat udara atau kapal seperti yang disebut terdahulu.
- (c) **"Pemunya"** berkenaan dengan barang termasuklah mana-mana orang (selain daripada seorang pegawai kastam yang bertindak atas sifat rasminya) yang adalah atau mengemukakan dirinya sebagai pemunya, pengimport, pengeksport, konsaini, ejen atau seorang yang memiliki, atau mempunyai kepentingan benefisial dalam, atau mempunyai apa-apa kawalan ke atas, atau kuasa melupuskan barang itu.

## TEMPAT DAN WAKTU PENGEKSPORTAN

10. Suatu pengekportan barang hendaklah dijalankan di pelabuhan kastam dan di tempat pendaratan yang sah atau di tempat yang dibenarkan oleh pegawai kastam yang hak sama ada melalui laut, udara atau darat.

11. Semua barang yang dieksport hendaklah diikrar di dalam borang yang telah ditetapkan. Barang ini hanya boleh dilepaskan dari kawalan kastam selepas duti kastam, jika ada, telah dibayar sepenuhnya melainkan jika dibenarkan sebaliknya di bawah Akta Kastam 1967.

12. Setiap pengeksport atau pemunya barang hendaklah membuat pengikraran sendiri atau melalui ejen kepada pegawai kastam yang hak, di dalam borang yang telah ditetapkan, sebelum barang tersebut dieksport.

### **LAIBILITI CBP KE ATAS BARANG YANG DIEKSPORT**

13. Pengeksport atau pemunya barang yang dieksport adalah bertanggungjawab untuk membayar duti kastam, jika ada, pada masa pengeksportan. Walau bagaimanapun, untuk tujuan CBP, pengeksport boleh mengenakan kadar-sifar ke atas barang tersebut apabila dieksport.

### **PENJENISAN DAN PENILAIAN BARANG YANG DIEKSPORT**

14. Di bawah perundangan CBP, tidak ada implikasi CBP ke atas penjenisan dan penilaian kastam bagi barang yang dieksport kerana semua barang yang dieksport adalah berkadar sifar. Walau bagaimanapun anda hendaklah mematuhi keperluan untuk penjenisan dan penilaian di bawah Akta Kastam 1967.

### **EKSORT SEMENTARA**

15. Umumnya, barang yang dieksport sementara adalah berkadar sifar. Walau bagaimanapun pelepasan boleh diberikan di bawah butiran **XX** Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 20XX ke atas barang tertentu yang dieksport secara sementara untuk tujuan tertentu seperti pameran, propaganda, pembaikan dan lain-lain.

16. Barang yang layak untuk eksport sementara boleh juga dieksport dengan menggunakan kemudahan A.T.A Carnet yang dikeluarkan oleh Dewan Perdagangan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI). Di bawah fasilitasi ini, CBP dan duti kastam, jika ada, tidak akan dipungut.

17. Barang yang diluluskan untuk eksport sementara perlu diimport semula dalam tempoh 3 bulan dari tarikh eksport. Jika barang tidak diimport semula dalam tempoh berkenaan, cukai atau/dan duti kastam, akan dipungut sepenuhnya memandangkan barang tersebut tidak lagi layak mendapat pelepasan.

## **SOALAN LAZIM**

**S1: Jika syarikat saya tidak berada di Malaysia, bolehkah syarikat saya melantik seorang ejen di Malaysia untuk membekalkan dan mengeksport produk saya bagi pihak saya?**

J1: Ya, sebagai peniaga di luar negara (prinsipal), yang tidak berada di Malaysia, anda boleh melantik seorang ejen di Malaysia, untuk membekal dan mengeksport barang anda bagi pihak anda. Jika barang itu dibekalkan oleh ejen itu bagi pihak anda dan nilai kesemua pembekalan melebihi nilai ambang yang ditetapkan, pembekalan itu adalah disifatkan sebagai telah dibuat ejen anda. Pembekalan yang disifatkan dibuat oleh ejen tidaklah termasuk apa-apa pembekalan yang dibuat atas namanya sendiri. Oleh itu, ejen anda adalah bertanggungjawab untuk mengakaun CBP ke atas pembekalan yang dibuat olehnya bagi pihak anda dan dia juga boleh mengenakan kadar sifar ke atas barang itu apabila dieksport.

**S2: Sebagai agen yang bertindak bagi pihak prinsipal bukan orang kena cukai di luar negara, adakah saya perlu mengisytihar pengeksportan barang bagi pihak prinsipal di luar negara ini di bawah nama saya sendiri?**

J2: Ya, kerana pengeksportan itu disifatkan sebagai pengeksportan anda sendiri.

**S3: Apakah layanan bagi barang yang dieksport secara sementara untuk diperbaiki dan selanjutnya diimport semula?**

J3: Barang yang dieksport sementara untuk tujuan diperbaiki dan selanjutnya diimport semula adalah diberikan pelepasan CBP di bawah Perintah CBP (Pelepasan) 20XX. Walau bagaimanapun, CBP akan dikenakan jika terdapat penggantian ke atas alat ganti dan tambahan komponen pada masa pengimportan semula.

**S4: Pelanggan tempatan saya memesan beberapa barang daripada saya tetapi dia meminta saya untuk menghantar barang itu kepada pelanggannya di luar negara. Adakah saya perlu mengenakan CBP apabila saya mengeluarkan invois kepada pelanggan tempatan saya?**

J4: Jika anda sendiri mengeksport barang itu di atas nama anda sendiri, anda boleh mengenakan kadar sifar ke atas pembekalan tersebut walaupun dijual pada pelanggan tempatan. Walau bagaimanapun anda hendaklah menyimpan dokumen yang perlu untuk membolehkan pembekalan itu dikenakan kadar sifar.

**S5: Saya membuat jualan barang kepada pelanggan di luar negara. Atas permintaannya, barang itu diserahkan kepada ejen penghantar tempatan, yang mengatur pengeksportan barang tersebut kepada pelanggan luar negara saya. Adakah saya perlu mengenakan CBP kepada pelanggan luar negara saya?**

J5: Tiada CBP dikenakan kepada pelanggan anda di luar negara, jika pengeksportan itu dilakukan di atas nama anda oleh kerana pembekalan barang tersebut boleh dikenakan kadar-sifar jika ia dieksport oleh anda sendiri. Walau bagaimanapun, anda perlu menyimpan bukti eksport seperti borang pengikraran eksport, bil pendaratan/bil udara, senarai pembungkusan/nota penghantaran dan dokumen lain berkaitan eksport.

**S6: Pelanggan tempatan saya mendakwa bahawa barang yang dia beli daripada saya akan dieksport dan meminta saya untuk mengenakan kadar sifar ke atas barang tersebut. Bolehkah saya mengenakan kadar sifar ke atas barang tersebut apabila saya menjual kepada pelanggan saya?**

J6: Tidak, anda perlu mengenakan bayaran CBP pada kadar standard kerana pembekalan tersebut adalah pembekalan tempatan. Pelanggan anda boleh mengenakan kadar sifar ke atas pembekalannya kepada pelanggan luar negara apabila dia mengeksport barang tersebut.

**S7: Jika saya seorang pengilang tol di bawah Skim Pengilang Tol Diluluskan (ATMS), apakah layanan CBP ke atas barang yang telah dirawat atau diproses yang saya eksport kepada prinsipal saya di luar negara?**



J7: Oleh kerana barang tersebut adalah milikan prinsipal anda di luar negara, tiada pembekalan yang dibuat oleh anda. Walau bagaimanapun, anda telah bertindak sebagai ejen bagi pihak prinsipal anda di luar negara. Oleh itu, anda dianggap telah membuat pembekalan dan berhak untuk mengenakan kadar sifar untuk pembekalan yang dieksport itu.

**S8: Adakah CBP dikenakan ke atas bahan mentah dan komponen yang digunakan dalam pengilangan barang yang akan dieksport?**

J8: Ya, anda perlu membayar CBP ke atas semua bahan mentah dan komponen yang diperolehi oleh anda dari mana-mana pembekal yang berdaftar CBP. Jika anda memilih untuk mengimport bahan mentah, CBP perlu dibayar pada masa pengimportan. Walau bagaimanapun, jika anda adalah orang yang berdaftar CBP, anda akan dapat menuntut semua cukai input yang ditanggung oleh anda untuk membuat pembekalan barang yang kena cukai. Barang yang kemudiannya dieksport oleh anda akan dikenakan kadar sifar.

**S9: Apakah implikasi CBP terhadap jentera yang dipajak kepada sebuah syarikat luar negara?**

J9: Apabila anda menghantar jentera ke syarikat penerima pajakan di luar negara, ia disifatkan sebagai eksport dan pembekalan ini berkadar sifar. Apabila jentera itu kemudiannya dibawa balik ke Malaysia dari syarikat penerima pajakan luar negara, CBP perlu dibayar ke atas jentera tersebut pada masa pengimportan. Nilai semasa pengimportan adalah ditetapkan mengikut kaedah penilaian di bawah Peraturan Kastam(Kaedah Penilaian) 1999. Jika anda adalah orang berdaftar, anda boleh membuat tuntutan CBP yang dibayar ke atas jentera sebagai kredit cukai input anda.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada *Panduan Sewa Beli dan Pajakan*.

**S10: Apakah jenis dokumen eksport yang perlu disimpan?**

J10: Semua dokumen yang berkaitan dengan pengeksportan mestilah disimpan dengan sempurna untuk jangka masa tujuh tahun. Kegagalan untuk berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah perundangan CBP. Dokumen yang perlu disimpan adalah seperti berikut:

- (a) Pengikraran eksport (Borang Kastam no.2)

- (b) Invois jualan
- (c) Bil pendaratan
- (d) Nota perkapalan
- (e) Nota insuran
- (f) Dokumen pembayaran seperti dokumen kredit/debit, penyata bank, dan lain-lain
- (g) Nota debit dan kredit
- (h) Dokumen *tally* dari Pihak Berkuasa Pelabuhan
- (i) Sijil kurang hantar/kurang darat, dan
- (j) Dokumen-dokumen eksport yang lain.

## **MAKLUM BALAS DAN KOMEN**

18. Sebarang maklum balas atau komen adalah amat dihargai. Sila emel maklum balas atau komen anda kepada Mohd Hisham b. Mohd Nor (m\_hisham.nor@customs.gov.my) atau Aminul Izmeer b. Mohd Sohaimi (izmeer.msohaimi@customs.gov.my).

## **MAKLUMAT LANJUT**

19. Maklumat lanjut boleh didapatkan dari:-

- (a) Laman sesawang CBP : [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my)
- (b) Hotline CBP : 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam
  - Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
  - Faks : 03-78067599
  - Emel : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)